

KERJASAMA STRATEGIK NCER DAN LADA BANTU PULIH INDUSTRI PELANCONGAN LANGKAWI

Langkawi, 14 September – Sempena pembukaan Pulau Langkawi sebagai projek rintis Gelembung Pelancongan Perjalanan Domestik pada 16 September 2021, Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) dan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) telah menganjurkan *Majlis Gerak Kerja Penggiat Industri Pelancongan Langkawi Bersama NCIA dan LADA Sempena Pembukaan Gelembung Perjalanan Pelancongan Domestik* bagi merencanakan lagi sektor pelancongan domestik di Pulau Langkawi.

Majlis yang diadakan secara dalam talian itu telah dihadiri oleh Tuan Haji Nasaruddin bin Abdul Muttalib, Ketua Pegawai Eksekutif LADA, dan Datuk Seri Jebasingam Issace John, Ketua Eksekutif NCIA. Para penggiat usahawan sektor pelancongan di Langkawi yang telah mengambil bahagian dalam Program Modal Insan NCER, khususnya program JomKerja@NCER, JomNiaga@NCER dan entrepreneurNCER dianugerahkan dengan sijil penyertaan dan penghargaan

Program-program modal Insan NCER adalah selaras dengan 'Pelan Pembangunan Strategik NCER 2021-2025: COVID-19 Impact and Mitigation Strategies, Projects, and Programmes' yang menggariskan strategi bagi mengatasi jurang pembangunan sosioekonomi di NCER serta memberi penekanan terhadap kesan pandemik pada ketika ini.

"Jalinan kerjasama strategik antara LADA dan NCIA memperlihatkan usaha kerajaan dalam membantu tenaga kerja dan syarikat dalam sektor pelancongan pulih daripada kesan pandemik menerusi Program Modal Insan NCER yang dilaksanakan di Pulau Langkawi," kata Ketua Pegawai Eksekutif LADA, Tuan Haji Nasarudin bin Abdul Muttalib.

"Penggiat industri pelancongan Pulau Langkawi menyambut baik pembukaan dan operasi Pulau Langkawi melalui Gelembungan Perjalanan Pelancongan Domestik setelah lebih dari 20 bulan tidak beroperasi," tambah Tuan Haji Nasarudin,

Salah satu Program Modal Insan NCER yang membantu mewujudkan tenaga kerja mahir bagi permintaan sektor pelancongan di Langkawi adalah JomKerja@NCER. Program insentif modal insan ini ditawarkan kepada syarikat-syarikat untuk mengambil dan melatih individu yang diberhentikan kerja, individu yang menganggur dan individu lepasan sekolah. NCIA telah mensasarkan seramai 100 peserta baharu untuk mendapatkan pekerjaan di bawah program ini. Di antara syarikat yang terawal menerima insentif daripada program JomKerja@NCER ini adalah Tropical Charters Sdn Bhd, Malibest Resort Sdn Bhd dan Explicit Eco Marine Sdn Bhd.

Agensi pelancongan Tropical Charters Sdn Bhd adalah pemenang anugerah yang menyediakan perkhidmatan bot, aktiviti rekreasi dan perkhidmatan pengurusan destinasi termasuk pengurusan majlis di Pulau Langkawi.

"Pandemik yang melanda seluruh dunia telah memberi kesan yang mendalam kepada sektor pelancongan. Program Modal Insan NCER amat dialu-alukan oleh penggiat industri pelancongan untuk bangun semula dalam perniagaan dan yakin industri pelancongan akan kembali maju seperti sebelum ini," kata Dato' Alexander, Ketua Pegawai Eksekutif Tropical Charters Sdn Bhd.

Sebagai pengusaha hotel yang terkenal di Langkawi, Malibest Resort Sdn Bhd adalah salah satu syarikat penerima manfaat program JomKerja@NCER,

"Insentif yang disediakan dalam program JomKerja@NCER dapat membantu penggiat industri kembali beroperasi dan bersedia menerima kedatangan pelancong ke Pulau Langkawi dalam masa beberapa bulan yang mendatang.

"Kami amat bersyukur kerana Pulau Langkawi telah dipilih sebagai projek rintis menerusi Gelembung Pelancongan Domestik dan sangat teruja menanti kedatangan pelancong ke Pulau Langkawi pada 16 September 2021 ini.

"Malah, kami telah menerima lebih daripada seribu tempahan bilik sejak pengumuman YAB Perdana Menteri mengenai Gelembung Pelancongan Domestik," ujar Encik Abd Manaf Majid, Pengarah Malibest Resort Sdn Bhd.

Explicit Eco Marine Sdn Bhd adalah syarikat pengurusan hartanah dan taman Perdana Quay Eco Marine Park yang juga telah menerima manfaat dari programme modal insan NCER.

“Kami di Explicit Eco Sdn Bhd sangat berterima kasih kepada LADA, NCIA dan Kerajaan Negeri atas bantuan yang diberikan, dan tidak melupakan para penggiat sektor pelancongan di Pulau Langkawi menerusi Program Modal NCER yang diperkenalkan.

Penggiat sektor pelancongan adalah sektor yang paling banyak terjejas semasa pandemik serta Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang memberi impak terhadap bilangan tenaga kerja yang ada,” kata Kevin Foo Chian Wei, Pengarah Urusan Explicit Eco Marine Sdn. Bhd.

Selain daripada JomKerja@NCER, program JomNiaga@NCER turut diperkenalkan dengan mensasarkan belia yang tidak mempunyai pekerjaan, wanita, dan pekerja yang telah diberhentikan kerja dalam golongan B40. Setakat ini, terdapat 375 usahawan yang telah tamat latihan, menerima “*business starter kit*” dan telah mula menjana pendapatan.

Tambahan, di bawah program ini, empat syarikat PKS di Langkawi telah mencipta 19 pekerjaan baharu. Dua penerima lain yang diluluskan adalah Ambang Usaha Enterprise, Mega Water Sports Sdn. Bhd dan Suria Pulau Enterprise yang akan mendapat insentif upah sehingga RM1,000 bagi setiap pekerja selama 12 bulan.

Melalui program JomKerja@NCER ini, kami dapat membayar gaji secara penuh kepada kakitangan walaupun menghadapi kekangan akibat pandemik. “Kami mengucapkan terima kasih kepada NCIA dan kerajaan atas keprihatinan yang ditunjukkan bagi memulihkan sektor pelancongan di Langkawi, Kami berharap program ini akan diteruskan sehinggalah ekonomi pulih sepenuhnya,” kata Encik Fauzan bin Yaacob, pemilik Ambang Usaha Enterprise.

Manakala Mega Waters Sdn Bhd merupakan sebuah syarikat yang menyediakan perkhidmatan rekreasi air di Pulau Langkawi. “Kami amat berterima kasih kepada NCIA kerana memperkenalkan program-program modal insan yang memberi manfaat kepada penggiat sektor pelancongan di Pulau Langkawi. Sudah terlalu lama pulau-pulau di Langkawi sepi tanpa pengunjung,” kata Pengarah Urusan, Encik Hussein bin Mohd Said.

Syarikat beliau juga telah menerima banyak tempahan sempena pembukaan semula Pulau Langkawi sebagai destinasi pelancongan.

Suria Pulau Enterprise, sebuah syarikat makanan dan minuman serta katering kecil di Kuah, Langkawi, mempunyai tujuh pekerja dalam senarai gaji dan kini merancang untuk mengambil tujuh pekerja baharu dengan insentif yang diberikan oleh NCIA.

NCIA membuka peluang kepada semua perniagaan yang terlibat dalam sektor pelancongan di Langkawi untuk menyertai Program Modal Insan NCER merangkumi JomKerja@NCER dan JomNiaga@NCER agar dapat meneruskan pengambilan dan mengekalkan pekerja.

Program entrepreneurNCER pula adalah sebuah program yang menyediakan bantuan kewangan kepada perusahaan mikro dan PKS melalui pinjaman dan perkhidmatan bimbingan. Program ini adalah hasil kerjasama antara NCIA dengan Maybank dan Agrobank untuk menyediakan bantuan pembiayaan mudah (soft loan), di mana NCIA menggunakan kaedah menokok atau *topping up* 50% ke atas kadar keuntungan yang dikenakan oleh pihak bank.

Sejumlah 147 orang usahawan mikro dan PKS dari sektor penanaman padi, borong dan runcit, perkhidmatan dan pertanian telah mendapat manfaat dari jumlah pembiayaan sebanyak RM4.4 juta di bawah program entrepreneurNCER sehingga 31 Julai 2021 untuk menyokong keperluan modal kerja dan membantu kelestarian perniagaan mereka.

Dua syarikat penerima manfaat program entrepreneurNCER yang diluluskan iaitu De Baron Holidays Sdn. Bhd telah menerima bantuan pinjaman melalui NCIA-Maybank Entrepreneur Scheme sementara Helang Kaya Enterprise menerima bantuan pinjaman melalui NCIA-Agrobank Entrepreneur Scheme.

Pemilik De Baron Holidays Sdn Bhd, En Muhamad Zulhaimi bin Romli memuji kerjasama strategik antara NCIA dan LADA dalam membantu usahawan yang amat memerlukan bantuan kewangan daripada bank untuk terus kekalkan perniagaan semasa pandemik.

“Dengan situasi pandemik amat sukar untuk bank memberi pinjaman dan sektor pelancongan tambah terjejas dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diumumkan. Bantuan kewangan yang diberikan membantu saya dapat menampung kos operasi sebagai persediaan kedatangan pelancong sempena pembukaan Pulau Langkawi,” kata beliau.

En Mohd Razif, pemilik Helang Kaya enterprise berkata beliau mengalu-alukan inisiatif di bawah program entrepreneurNCER. “Kami amat bersyukur dengan sokongan daripada NCIA kerana sektor pelancongan paling teruk terjejas dan bantuan kewangan daripada program entrepreneurNCER ini sedikit sebanyak membantu kami meneruskan perniagaan,” jelas En. Mohd Razif.

“Program yang ditawarkan merupakan peranan strategik NCIA dalam membantu memulihkan ekonomi pelancongan di wilayah ini dan mengatasi impak pandemik ke atas sektor pelancongan di Langkawi” kata Datuk Seri Issace.

“NCIA komited untuk melihat sektor pelancongan Langkawi dan ekonomi negara pulih daripada kesan pandemik. Kami berharap program-program modal insan NCER dapat memberi manfaat kepada rakyat di Langkawi khususnya dalam membantu mewujudkan lebih banyak peluang perkerjaan, meningkatkan peluang perniagaan dan memastikan kelangsungan hidup kekal baik semasa pandemik ini. Kami merancang untuk menawarkan lebih banyak lagi peluang kepada penggiat industri pelancongan di sekitar destinasi pelancongan NCER untuk menyertai program modal insan NCER,” tambah beliau lagi selepas menghadiri majlis secara dalam talian pagi tadi.

–TAMAT –

UNTUK MAKLUMAN EDITOR:

Berkeanaan NCIA

Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) telah ditubuhkan di bawah Akta Pihak Berkuasa Koridor Utara Pelaksanaan 2008 (Akta 687) sebagai pihak berkuasa yang bertanggungjawab untuk menyediakan hala tuju dan untuk merangka dasar dan strategi menggalakkan dan mempercepatkan pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara atau Northern Corridor Economic Region (NCER). NCER merangkumi negeri-negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Perlis; dan diketuai oleh Datuk Seri Jebasingam Issace John selaku Ketua Eksekutif.

NCIA akan terus memacu evolusi NCER ke arah menjadi rantau sosioekonomi kelas dunia dengan memangkinkan dan melaksanakan program pembangunan nilai tambah dalam inisiatif-inisiatif strategik berimpak tinggi, terutamanya melalui Sektor Pembuatan, Sektor Perniagaan Tani, Sektor Petrokimia, Sektor Perlombongan, Sektor Ekonomi Hijau, dan Sektor Perkhidmatan (termasuk Pelancongan, Logistik dan Perhubungan; serta Ekonomi Digital).

Sila hubungi:

En. Ariff bin Ahmad Head, Perhubungan Awan dan Pengurusan Media Corporate Communications Unit Emel: ariffahmad@ncer.com.my Mobile: + 016 328 8944 GL: + 604-502 0708	Mohd. Faiz bin Othman Assistant Manager, Perhubungan Awan dan Pengurusan Media Corporate Communications Unit Emel: mohdfaizothman@ncer.com.my Mobile: +60 12-622 5027 GL: + 604-502 0708
---	---

Untuk maklumat lanjut, sila layari <http://www.ncer.com.my>